

Kurator insan menduniakan galeri seni

UB 23.10.2021 P.06



CATATAN KANVAS KOYAK
DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

SETIAP galeri mesti memamerkan karya seni. Oleh itu, kejayaan setiap pameran seni visual adalah kerana kuratornya. Kurator adalah satu jawatan sama penting dengan pelukis dan penguasa galeri atau pengarahnya.

Jawatan kurator ini wujud dengan munculnya aktiviti berpameran sama ada karya seni atau pun antiquiti di galeri maupun muzium.

Sebelum mendeke, rakyat Malaysia tak pernah pun tahu akan tugas kurator sebab kita tidak mewujudkan pameran disebabkan aktiviti berpameran ini tidak digalakkan kerana pemerintah merasakan berpameran tidak meningkatkan ekonomi negara yang baru nak bertatih atau mula merangkak.

Tokoh kurator sahaja insan yang mengaturkan pameran atau menyusun objek yang ingin diperagakan, bahkan kejayaan sesuatu pameran adalah kerana kebijaksanaan kurator. Sebuah pameran itu ditentukan kejayaannya berdasar siapa kuratornya.

Tokoh kurator tempatan yang mendapat sambutan setiap kali adanya pameran seperti Allahyarham Redza Piyadasa, Datuk Syed Ahmad Jamal, Nur Hanim Khairudin, Prof Hasnol Saedon, Badrol Hisham, Dato Najib Ahmad Dawa, Haryani Mohammed, Wong Hooi Cheong sekadar menyebut beberapa nama.

Kurator adalah penjawat yang kurang dikenali jika dibandingkan dengan pelukis sebagai bintang dalam sebuah pameran.

Namun begitu, tanpa kurator sebuah pameran tidak akan berjaya kerana pameran diwarnai oleh kebijaksanaan dan kepakaran mereka.



Maizul effendi diangkat oleh kurator Farush Khan

Kurator bukan sekadar menyusun atau melengkapkan bahan pameran sahaja bahkan tugas kurator sangat rumit kerana mereka mempunyai kepakaran yang termasuk sejarah seni, logistik, kemahiran menyusun serta pengalaman memadankan karya seni yang sangat essential dalam peragaan.

Oleh sebab itu, kurator dianggap sebagai faktor utama sebuah pameran atau galeri mendapat sambutan serta penguatkuang yang ramai.

Menurut Prof Madya Hasnol Jamal Saedon, seorang pensyarah seni dan pengarah Galeri MGTF-USM menekankan bahawa seseorang kurator adalah pemangkin kepada pameran kerana kurator yang hebat biasanya bukan sahaja mempunyai pengalaman berpameran yang luas. Mereka juga mempunyai jaringan yang lebar di kalangan peer group atau sahabat sejawatan di kalangan galeri dalam dan luar negara.

Di samping berkebolehan bertutur

dan fasih berbicara sejarah seni serta perkembangan terkini berkaitan seni, adalah sangat penting mereka juga adalah penulis makalah,

katalog, buku, jurnal dan juga penyelidik beribawa.

Berdasarkan kepakaran yang istimewa dimiliki seorang kurator menunjukkan bahawa sebuah pameran seni lukis bukanlah sesuatu peragaan sambil lewa atau sembrono tugasnya, bahkan kehebatan kurator seperti Kirk Vernoede dari Museum of Modern Art New York, Lucy Lippard, Alan Rubin, Edward Steichen dan ramai lagi adalah kurator legend yang mewarnai dunia seni lukis antarabangsa.

Mereka juga bertanggungjawab menemui serta mengangkat pelukis terkenal dari tidak dikenali menjadi selebriti disanjung di persada seni visual dunia, umpamanya seperti pelukis, Jackson Pollock, Robert Rauschenberg, De Kooning, Karst dan sebagainya.

Begitu juga yang berlaku di negara kita ramai kurator yang bertanggungjawab menemui pelukis muda, umpamanya pelukis Pausan Khan dan isterinya Alyia,

Jailani Abu Hassan ditemui oleh pengarah filem dan kurator U-Wei Hj Shaari, dan Valentine Willie anak kelahiran Sabah berjaya mengangkat pelukis Awang Damit Ahmad, Bayu Utomo dan Yee I-Lann.

Jelas sekali bahawa kurator adalah insan yang menjadi permata tersembunyi dan tidak digalip. Ia tidak terkenal walaupun kerja dan tugasnya sangat penting. Pada masa dahulu kurator bekerja di belakang tabir. Mereka sebenarnya merancang sesuatu pameran lukisan dengan menyediakan

Orang Asli Mah Merio oleh Dato Anthony Ratos



Pelukis Awg Damit diangkat oleh kurator Valentine Willie



Sabuah pameran di balai seni lukis negara di Langkawi



Dato Hosseln Enas ditemui oleh Frank Sullivan pada tahun 1950

rangka serta inti pati karya yang akan dipamerkan serta disusun satu persatu karya pelukis tertentu berdasarkan sejarahnya serta kepentingannya dalam sejarah serta kesannya dalam masyarakat berdasarkan tajuk atau tema pameran dirancang.

Menurut kurator tempatan terkenal Nurhanim Khairuddin perkembangan pengaruh kurator masih di peringkat konvensional atau tradisi kerana kita tidak mempunyai ahli kurator terlatih. Kebanyakan mereka adalah pelukis, namun begitu menurut Nurhanim lagi, terdapat kesan kurator berpengaruh tempatan seperti budaya, agama dan sosio politik tempatan, berdasarkan kebijaksanaan dan pengalaman mereka membawa kesan sangat menarik berlaku di luar pengaruh institusi dan galeri (Perspective, Rouge Art. Vol 4. 2019).

Namun begitu terdapat juga kurator kini di Malaysia yang lahir dari disiplin seperti sains sosial, anthropologi, undang-undang dan sebagainya.

Pendek kata, untuk menjadi kurator seseorang tidak semestinya mempunyai latar belakang seni lukis.

Menurut sesetengah pakar terdapat tiga jenis pameran sangat memerlukan tugas kurator, iaitu pameran solo, pameran di institusi seperti Universiti Sains Malaysia, UTM dan juga institusi seperti Muzium Seni Negara, Muzium Negara, Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Balai Seni Lukis Sabah dan lain lain institusi seni kerajaan.

Jelas sekali tugas kurator kini adalah sangat mencabar kerana terdapat ejen atau wakil bergerak dalam industri seni yang berfungsi untuk memanggil odium, menjemput kolektor serta menjadi simbol budaya sebuah negara.

Oleh sebab itu, bagi memajukan serta mempromosikan pameran seni lukis tempatan institusi seni mesti membuka kursus kurator di bawah agenda program pengurusan seni di university tempatan seperti Fakulti ASTif UMS, Seni Halus di UTM dan sebagainya bagi mendidik ahli serta kepakaran kurator bagi mengangkat industri seni visual tempatan dan antarabangsa.